



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
KHAMIS 7 DISEMBER 2023**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	ANAK MUDA BOLEH GUNA IOT DALAM PERTANIAN, LOKAL, HM -17	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	SYOR NAFAS SEBAGI PENYEDIA STOK PENIMBAL SUMBER MAKANAN, NASIONAL, SH -19	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
3.	MEKANISMA KAWALAN ELAK HASIL PADI DIJUAL KE KILANG PADI DI NEGERI LAIN, TERENGGANU, HAKAKAH -16	LAIN-LAIN
4.	LULUSAN POLITEKNIK RELA JADI PETANI, DALAM NEGERI, UM -33	
5.	PESAWAH MODEN RAIH PENDAPATAN LUMAYAN, NASIONAL, SH -21	
6.	GOVT URGED TO REVIEW AGRICULTURE SECTOR, NATIONAL, THE STAR -3	
7.	SWEET SUCCESS, NEWS, THE STAR -1	
8.	EXOTIC FRUITS YIELD GOOD HARVEST, NEWS, THE STAR -2 & 3	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/12/2023	HARIAN METRO	LOKAL	17

**Kuala Lumpur:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menyedai pelbagai inisiatif dalam usaha menarik lebih ramai golongan muda menceburi bidang pertanian termasuk memperkalkan pertanian pintar dengan penggunaan teknologi moden.

Timbalan Menteri Datuk Chan Foong Hin berkata, ia termasuk mengadakan program autotomasi dan mekanisasi da-

## Anak muda boleh guna IOT dalam pertanian



**“Sebenarnya bidang pertanian kini memasuki era pertanian pintar dan anak muda boleh gunakan pelbagai peralatan, termasuk dron untuk semburan racun atau baja”**

lam bidang agromakaman untuk meningkatkan penggunaan teknologi moden dalam bidang itu.

“Bidang pertanian selalu bawa persepsi ia kerjaya untuk warga emas, menyebabkan anak muda kurang berminat menceburinya.

“Sebenarnya bidang pertanian kini memasuki era pertanian pintar dan anak muda boleh menggunakan

pelbagai peralatan, termasuk dron untuk semburan racun atau baja.

“Malah mereka juga boleh menggunakan *Internet of Things* (IoT). Semua ini boleh membawa perubahan kepada landskap pertanian,” katanya ketika menjadi tetamu pada program Selamat Pagi Malaysia terbitan RTM yang disiarkan di saluran TV1, sem-

pena Program Setahun Bersama Kerajaan Madani.

Selain itu, katanya Kementerian turut melaksanakan kerjasama merentas kementerian, seperti kerjasama dengan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) di bawah Kementerian Komunikasi dan Digital untuk meningkatkan usaha memperkenalkan pertanian pintar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/12/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	19

# Syor NAFAS sebagai penyedia stok penimbal sumber makanan

Zahir komited sebagai 'rakan solusi' kepada kerajaan

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI BANGI

Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) disyor sebagai penyedia stok penimbal sumber makanan negara dalam usaha menyokong Agenda Sekuriti Makanan Negara.

Cadangan itu antara inti pati dikemukakan NAFAS dalam Memorandum Pertubuhan Peladang Tahun 2023 yang mewakili suara akar umbi pertubuhan berkenaan kepada Kerajaan Perpaduan.

Pengerusi Jemaah Pengarah NAFAS, Datuk Zamri Yaakob berkata, pihaknya berharap NAFAS dipilih sebagai penyedia stok penimbal sumber makanan seperti jagung bijian, gandum, soya, bijirin, tepung, beras dan gula.

Katanya, sehingga kini NAFAS su-

“

*Kita cadangkan NAFAS dilantik sebagai pengedar tunggal benih padi sah kepada kilang pengeluar, kemudian pengedaran akan dibuat melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Ini sekali gus dapat membantu kerajaan menangani isu ini di peringkat lapangan.”*



Mahfuz (dua dari kiri) melancarkan baja durian NAS 888 dan kit pertanian bandar ketika perasmian Mesyuarat Agung Tahunan NAFAS Kali Ke-50 di Bangi pada Rabu.

dah terlibat dalam penyediaan stok penimbal bagi ayam bulat dan keratan sejuk beku.

“Kita cadangkan NAFAS dilantik sebagai pengedar tunggal benih padi sah kepada kilang pengeluar, kemudian pengedaran akan dibuat melalui Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK). Ini sekali gus dapat membantu kerajaan menangani isu ini di peringkat lapangan.

“Kita juga berharap satu rundingan pembaharuan kontrak pembekalan baja dan input pertanian bagi 2024. Untuk makluman, kontrak pembekalan sedia ada bakal berakhir 31 Disember ini,” katanya ketika Mesyuarat Agung Tahunan NAFAS Kali Ke-50, di sini, pada Rabu.

Majlis perasmian mesyuarat disempurnakan Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mahfuz Omar.



Zamri (dua dari kiri) menyerahkan Memorandum Pertubuhan Peladang kepada Mahfuz untuk pertimbangan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hadir sama Ketua Pengarah LPP merangkap Ketua Pendaftar Pertubuhan Peladang, Datuk Azulita Salim dan Pengurus Besar NAFAS, Muhammad Faris Arriffin.

Mengulas lanjut, Zamri menegaskan, NAFAS akan terus komited dalam memainkan peranan sebagai 'rakan solusi' kepada kerajaan dalam menjadi pembekal selain pengedar utama baja padi, racun dan kapur bermetu serta mencukupi untuk dibekalkan dan diedarkan kepada petani di seluruh negara.

Menurutnya, bagi memastikan penambahan dalam usaha pengedaran baja, NAFAS juga melaksanakan Kempen Penghantaran Lewat Sifar atau 'Zero Late Delivery' dan penambahan stok penimbal baja dalam usaha pem-

baharuan berterusan serta transformasi perniagaan untuk mengekalkan NAFAS terus relevan dan berdaya saing.

Sementara itu, pada majlis sama, NAFAS melancarkan produk pertanian berasaskan organik, 'Weed Solut-Ion' yang merupakan perjanjian kerjasama antara syarikat subsidiari NAFAS iaitu NAFAS Agri Services Sdn Bhd bersama FGV Agri Services Sdn Bhd dan Pandawa Agri Indonesia.

Produk itu akan memberi manfaat kepada hampir 200,000 pesawah bagi pengurangan penggunaan racun sehingga 50 peratus dengan kos lebih rendah tanpa mengurangkan keberkesanan racun.

Serentak dengan itu turut dilancarkan produk baja durian, NAS 888 dan kit pertanian bandar.



ZAMRI

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/12/2023	HARAKAH	TERENGGANU	16

## Mekanisma kawalan elak hasil padi dijual ke kilang padi di negeri lain

Oleh **NOR HAZWANI NOH**

**KUALA TERENGGANU:** Kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Padi Negeri Terengganu mempunyai mekanisme kawalan bagi mengelakkan hasil padi negeri ini dijual ke kilang padi di negeri lain.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Keterjaminan Makanan dan Komoditi negeri, Dr Azman Ibrahim jawatankuasa ini dipengerusikan beliau melibatkan semua jabatan, agensi dan badan berkaitan dalam kluster padi Negeri Terengganu.

“Terengganu merupakan satu-satunya negeri yang mengawal hasil padi dari dijual keluar dengan kerjasama Bernas.

“Justifikasi kawalan ini ialah disebabkan ketidakcukupan padi dalam kalangan pengilang tempatan dan hasil padi dalam negeri Terengganu,” katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Ahli

Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bandar, Ustaz Ahmad Shah, pada persidangan DUN Terengganu di Wisma Darul Iman, di sini, pada Khamis.

Ahmad Shah bertanya mengenai mekanisme kawalan bagi mengelakkan hasil padi Terengganu daripada dijual ke kilang padi di negeri lain.

Menurut Azman yang juga Adun Jabi berkata, berdasarkan justifikasi ini, kerajaan negeri melalui bahagian Kawalselia Padi Beras negeri Terengganu telah melaksanakan beberapa langkah kawalan.

Antaranya, kata beliau, arahan pembekuan semua permit pemindahan padi keluar dari Terengganu.

“Sebarang pemindahan padi tanpa permit adalah merupakan satu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Padi dan Beras 1994,” katanya.

Tambahnya, bernas tidak akan membayar sub-



**Dr Azman Ibrahim**

sidi harga padi kepada petani yang menghantar hasil padinya ke kilang padi di negeri lain.

Manakala, kata Azman, bahagian Kawalselia Padi dan Beras pula akan menjalankan rondaan dan pemeriksaan berkala di sempadan bagi memastikan tiada pelanggaran arahan dan kesalahan dilakukan.

“Bahagian Kawalselia Padi Beras negeri membuat pemeriksaan bagi memastikan harga lantai belian padi RM1300 per tan di kilang-kilang dalam negeri mengikut ketetapan harga kawalan yang ditetapkan,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/12/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	33

# Lulusan politeknik rela jadi petani

Oleh AIMUNI TUAN LAH  
 utusannews@mediamulia.com.my

**GUA MUSANG:** Seorang pemuda lulusan Diploma Kejuruteraan Awam dari Politeknik Ungku Omar, Perak rela menjadi petani sebagai kerjaya utama semata-mata mahu menjaga ayahnya yang sakit.

Pengorbanan Muhamad Aiman Yaacob, 24, untuk berbakti kepada bapanya, Yaacob Awang, 73, mendatangkan hasil apabila tanaman lada solok Taming Sari dan cili Kulai yang diusahakan secara fertigasi di Kampung Kuala Tol di sini memberi pulangan lumayan.

Menurut Muhamad Aiman, bapanya mempunyai penyakit darah tinggi dan gout yang menyebabkan terpaksa berulang-alik untuk rawatan di hospital.

Katanya, bapanya banyak memberi sokongan dan nasihat termasuklah penjagaan dan proses penanaman pokok lada dan cili.

"Setakat ini, saya tidak berdepan masalah untuk menjaga bapa dan menguruskan tanaman kerana kebun yang diusahakan berada di kawasan berhampiran rumah.

"Seawal pukul 8 pagi saya sudah ke kebun untuk membersihkan kawasan, membaja dan melihat sistem pengairan tanaman," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini semalam.



**MUHAMAD Aiman Yaacob menunjukkan lada solok yang dikutip di kebunnya di Kampung Kuala Tol, Gua Musang, Kelantan, semalam.**  
 - UTUSAN/AIMUNI TUAN LAH

Muhamad Aiman memberitahu, idea untuk mengusahakan tanaman cili itu tercetus ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dua tahun lalu.

Katanya, berbekalkan modal RM15,000 dia memulakan projek menanam pokok lada dan cili di kawasan tanah seluas kira-kira 0.4 hektar.

"Antara cabaran yang perlu dihadapi adalah perubahan cuaca dan harga pasaran. Namun, saya bersemangat kerana mendapat sokongan daripada ahli keluarga yang turut membantu gerak kerja di kebun.

"Saya juga bersyukur apa-

bila mendapat bimbingan daripada para petani lama termasuk mengikuti kursus dan khidmat nasihat daripada Jabatan Pertanian daerah," ujarnya.

Muhamad Aiman berkata, golongan muda sepertinya tidak perlu takut untuk menceburi bidang pertanian kerana ia mampu menjana pendapatan lumayan jika dilakukan dengan baik.

"Saya mendapat ilham untuk bertani selepas melihat hasil kejayaan daripada seorang pengusaha kebun cili. Jadi, saya ingin mencuba sistem tanaman fertigasi dan ingin membuat kelainan di kampung ini," katanya.

011-6300-3000/utusan.my

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/12/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	21

Hasil jualan padi Yon berjaya miliki empat traktor, dua lori dan sebuah dron penyembur racun

KUALA LUMPUR

**D**iangkat sebagai 'hero' petani muda, Mohd Amirul Idris beriltizam menarik lebih ramai belia menceburi bidang penanaman padi dengan menjadikan dirinya sebagai 'bukti' sektor itu mampu memberi hasil lumayan.

Lebih mesra dipanggil Yon, pesawah moden berusia 36 tahun itu mula bergelumang lumpur bendang ketika berusia 18 tahun ketika menunggu keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Saya baru selesai menduduki SPM pada 2004 dan tidak ingin hanya duduk di rumah lalu mengambil inisiatif membantu penduduk kampung bekerja di sawah mereka.

"Lama-kelamaan, minat saya untuk terus menceburi perusahaaan sawah padi ini semakin mendalam.

"Daripada upah kerja sambilan yang saya lakukan kira-kira setahun, saya berjaya kumpul modal permulaan membuka tiga relung (0.953 hektar) sawah padi. Ketika itu kadar sewa satu relung hanya sekitar RM400," katanya ketika dihubungi *Bernama*.

Selepas 18 tahun berlalu, Mohd Amirul kini mengusahakan 30 relung sawah di Kampung Alor Rela, Langgar, Kedah.

Julukan hero petani muda datang daripada kejayaannya yang beberapa kali menerima pengiktirafan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dari segi pengeluaran hasil tertinggi.

Mengimbuai kembali keputusannya menjadi pesawah, Mohd Amirul yang juga satu-satunya petani dalam keluarganya berkata, berdasarkan pemerhatiannya ketika membantu penduduk kampung meracun dan membaja sawah padi mendapati sekitar 70 peratus pesawah di tempatnya adalah warga emas.

"Golongan ini sudah kurang kudrat dan kalau bersawah pun hasil hanya se-



Traktor yang dimiliki Mohd Amirul selepas mengusahakan sawah secara bersungguh-sungguh.

## Pesawah moden raih pendapatan lumayan

kitar tiga hingga empat tan sehektar bagi setiap musim.

"Kalau orang muda macam saya jika buat betul-betul, boleh dapat hasil sembilan hingga 9.5 tan sehektar," katanya.

Ternyata bukan cakap kosong kerana hasil jualan padi, pesawah muda ini berjaya memperoleh empat traktor, dua lori dan sebuah dron penyembur racun dengan kos keseluruhan RM350,000.

"Ini adalah pelaburan untuk saya tingkatkan pengeluaran padi serta mempercepat pergerakan hasil tuai kepada pembekal," ujarnya.

Bagi memastikan pulangan memuaskan, Mohd Amirul menggunakan benih padi baka berkualiti tinggi iaitu MR219 dan MR297.

Hasilnya, sawah diusahakannya berjaya mengeluarkan hasil kira-kira sembilan tan sehektar setiap musim.

Mohd Amirul yang menanam padi dua kali setahun berkata, secara purata beliau meraih pendapatan sekitar RM6,000 sebulan.

Tidak kisah bermandi kering di bawah matahari, bapa kepada seorang anak itu mengakui memulakan kerja sekitar 7 pagi dan hanya pulang selepas lewat petang.

Bagaimanapun katanya, golongan petani juga berdepan risiko bencana alam dan antara pengalaman tidak boleh dilupakan adalah kejadian banjir pada 2010.

"Masih segar dalam ingatan ketika peristiwa ini berlaku. Saya bagaikan hendak penganak akibat kehilangan sumber pendapatan utama bagi menyara keluarga.

"Mana tidaknya, sawah padi seluas empat hektar diusahakan selama ini habis musnah tidak tersisa dan terpaksa dibuat penanaman semula," katanya yang mendakwa bencana itu menyebabkannya kerugian lebih RM20,000.

Katanya, MADA memainkan peranan besar dalam kejayaan dikecapinya sekarang menerusi bimbingan dan pelbagai insentif diberikan kepada petani muda.

"Saya menyertai MADA sekitar 2012 dan tidak dinafikan begitu banyak bantuan diterima antaranya modal pusingan untuk pajak sawah yang mencecah ribuan ringgit dan subsidi baja.

"Saya tidak dapat melupakan jasa mereka sehingga mampu menjadi petani berjaya," katanya.

Bercerita tentang masa depan, Mohd Amirul merancang untuk menambah keluasan sawahnya.

Sementara itu, Pengerusi MADA, Datuk Dr Ismail Salleh ketika dihubungi, berkata, pihaknya sentiasa berusaha menyumbangkan ilmu dan tenaga berkaitan amalan penanaman padi serta penggunaan teknologi kepada petani.

"MADA bertanggungjawab menguruskan Kawasan Muda iaitu jelang padi terbesar negara dengan keluasan 143,553 hektar.

"Daripada jumlah ini, sebanyak 100,641 hektar merangkumi kawasan penanaman padi di Kedah dan Perlis dengan 54,886 pesawah," katanya.



Keadaan sawah diusahakan Mohd Amirul tumbuh subur.

# Govt urged to review agriculture sector

► Quarter of *padi* farmers earning below RM600 monthly due to mismanagement of income distribution, says expert

■ BY **SIVANISVARRY MORHAN**  
*newsdesk@thesundaily.com*

**KUALA LUMPUR:** An expert has called for urgent reforms in the agriculture sector to boost food security and for the removal of inefficient government officials to address the financial plight of *padi* farmers.

Universiti Putra Malaysia (UPM) Institute of Tropical Agriculture and Food Security consultant fellow Prof Datin Dr Fatimah Mohamed Arshad was commenting on the recently released 2022 Auditor General's Report.

"Placing inefficient government officials in key positions leads to the mishandling of public funds, as has been seen in various agricultural projects.

"This is a key factor in the income distribution problems faced by *padi* farmers and such officials should be immediately removed," she said.

While raising concerns about the financial plight of the farmers, the Auditor General's Report also revealed nearly a quarter of them earned less than RM600 a month.

The 2021 Rice and Rice Industry Statistics Report also revealed the estimated monthly income for each hectare of *padi* production was just RM629.76.

"About 22.7% of Malaysia's 77,275 *padi*

farmers fall into this income category, requiring urgent measures to address the challenges in this crucial sector.

"Specifically, over 26,000 farmers earn between RM600 and RM1,499.99, with an additional 15,116 falling in the RM1,500 to RM2,499.99 income range.

"To surpass the national poverty line of RM2,208 per month, *padi* farmers would need to cultivate a minimum of 3.6ha of land," the report said.

Fatimah also raised the issue of "lack of competitiveness" of rice markets, saying it is being controlled by only 12 suppliers with significant market power.

"Moving away from centralised distribution and fostering competition can open doors for young entrepreneurs in agriculture."

Fatimah said while these issues shed light on the economic challenges faced by *padi* farmers, it is noteworthy to recognise that efforts have been made to improve the agriculture sector.

"The government has transformed the agriculture sector by promoting technology, implementing market reforms and empowering farmers with smart policies to produce a resilient, fair and sustainable food system.

"However, we still need swift action to break the cycle of poverty among *padi*

farmers by having farmer-led cooperatives modelled after successful examples in Taiwan, Korea and India."

She also said using "smart agriculture technology" and having centralised distribution, limited seed suppliers and few equipment manufacturers limit economic opportunities for farmers.

Fatimah added that by not fully utilising the funds allocated for farming technology, Malaysia would not reduce its reliance on labour, support eco-friendly practices, or improve productivity.

To empower farmers and encourage competition, she urged the government to shift its role and support the farming sector through research, development and training.

"This should also involve breaking up monopolies, welcoming new entrepreneurs and promoting technological innovations in supply chains.

"Malaysia should invest more in smart climate agriculture with an approach to improve efficiency, cut costs, enhance sustainability and ensure the farmers are economically stable."

She emphasised that a "fair food system" requires a competitive market without monopolies, adding that this would create a level playing field for farmers and entrepreneurs and allow them to lead organisations that drive the transformation.

"By learning from successful models worldwide and incorporating technological advancements, we can build a vibrant agricultural sector that ensures food security, empowers farmers and contributes to the nation's overall prosperity."

TARIKH

MEDIA


RUANGAN

MUKA  
SURAT

7/12/2023

THE STAR

METRO



# Taste of **Sweet Success**

Johor farmers growing non-native crops are now enjoying the fruits of their labour. These efforts to diversify agricultural production are also helping to strengthen the state's position as the nation's food basket. >2&3

**Fruitful venture:** Gac farmer Law Nam Kin checking the fruits in his garden at Kampung Baru Kelapa Sawit, Kulai to ensure they are in good condition. — THOMAS YONG/The Star



# Exotic fruits yield good harvest

Farmers in Johor grow avocado and gac fruits with surprising results

By YEE XIANG YUN  
xiangyung@thestar.com.my

JOHOR is the largest fruit producer in Malaysia, harvesting more than 770,000 tonnes last year.

Two types of exotic fruits such as durian, jackfruit and gac are being grown by farmers who are venturing into growing non-local fruits.

Third-generation farmer Wan Shye, 47, started growing gac in 2017, about five years ago after he saw how well his relative's avocado tree was growing.

"My family has been farming durian for more than 40 years. I decided to look into growing other crops," he said.

He started out by collecting different varieties of avocado and spent a couple of years learning about it as it did not have any local experience growing fruits, he told *StarBiz*.

The 45-year-old settled on Indonesian and Vietnamese avocado as the thickest and most profitable to grow in the humid climate here.

## Taking on avocado farming

After much trial and error, his trees began flowering in about two and a half years.

"It has been a challenge growing avocado in our humid climate. My agricultural Department's field office had been sharing tips."

"They taught me grafting and other fruit care techniques. I had to plant the avocados successfully," he said.

Grafting is a technique where two plants are joined together to grow as one.

Wan added that growing avocado helped farmers market less known fruits to reach a wider market, as this would be more beneficial than providing financial assistance.

He is helped by five workers in tending the 2,000 odd avocado trees at his farm in the village of Kelapa Sawit, about 10km from Johor Bahru.

"My day starts at 7am when I check the trees. I also check the weather. The equipment is in good condition."

Recently, due to the presence of fruit flies, I have been covering each fruit with a paper bag to protect them.



Wan decided to start growing exotic fruits at his farm in Kelapa Sawit, Johor Bahru, about five years ago. — Photos: YEE XIANG YUN/STP The Star

(Below) The gac fruit plant in Kelapa Sawit has become an attraction.



## Going gaga over gac

An up-and-coming superfruit called gac has gained interest among farmers in Johor.

In the village of Kelapa Baru, Kelapa Sawit, a businessman and her husband have about 1,000 of the fruits hanging from a

structure they built at the back of their parents' house.

They started planting gac at the end of 2019 after hearing about the many benefits of the superfruit.

Esber said gac managed to obtain some

"That takes us a lot of time because each tree usually has about 60 to 70 fruits."

"Besides maintaining the seed for post-harvest, we also have to take care of the ground, where it might get bruiset," said Wan.

He added that he had just harvested a batch of fruits at the end of November and he expected to harvest the next batch in February.

He also plans to look for higher ground to plant more avocado trees as they are sensitive to too much water, which would rot the roots.

"My fruits are slightly bigger because of the varieties. Each avocado weighs about 50kg. I sell small quantities going to Singapore."

"I hope that next year, my harvests will be more abundant. I want to see if there are enough fruits to reach a wider market to attract Wan."

# Maintaining Johor's position as Malaysia's fruit basket

Yong says there are about 100,000 registered fruit farmers in the state, (right) Zaini (left) and Yong (right) have managed to continue the nation's fruit basket for the past year.



such as the production of juices, health foods and isotonic drinks.

There were about 25,000 registered fruit farmers in the state last year.

"We are responsible for expanding agri-culture knowledge, transfer of technology, and providing training to farmers within farming clusters across plant clusters."

"The department also provides soil analysis services to ensure that crops are

suitable to be grown in Malaysia, is seen in the farming of avocados and mango but they do require quality control and good agricultural practices to enjoy the benefits."

Yong said that the state government is a resource management system that can increase farm productivity and produce better quality fruits for the benefit of the welfare, safety and health of workers as well as preserving the environment.

He added that the state government has been successful in addressing the most of topography, climate, lack of access and difference in environment compared to other states.

These factors would significantly affect the fruit's growth, size, shape and taste, he added.

Yong also said there was a demand for non-local fruits in the Malaysian market because of changes in the lifestyle and diet of consumers, especially those living in urban areas.

There is also demand for such fruits from the agricultural downstream market.

"Some species of non-local fruits are

AVOCADO is a native fruit among the local fruits currently grown in Johor. State Agricultural Department director Yong Mohd said there were currently six

farmers in the state who are currently six. The farms are located in Kulai, Batu Pahat, Tangkak, Klang and Muar with trees ranging in age from one to five

years. Other than that, we also have Brazilian groups (Latin American) and this (Japanese) group (Brazilian) growing in Kulai.

There are five being farmed in Johor Bahru, two in Muar, one in Mersing and Segamat," he told *StarBiz*.

Yong added that some farmers had also been successful in growing gac. Mersing using the fruit basket concept.

These are avocados designed to withstand the heat and humidity of Johor, and are air and moisture.

"Some species of non-local fruits are

